



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI**

### **KETETAPAN UMUM**

# **PERSATUAN PERDAGANGAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 6/2005**

**TARIKH KELUARAN: 8 DISEMBER 2005**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA**

**PERSATUAN PERDAGANGAN**

**Ketetapan Umum No. 6/2005  
Tarikh Keluaran: 8 Disember 2005**

**KANDUNGAN**

	<b>Muka surat</b>
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Persatuan perdagangan	2
4. Taraf mastautin persatuan perdagangan	2
5. Layanan cukai ke atas pendapatan dan perbelanjaan bagi suatu persatuan perdagangan	3
6. Elaun modal	5
7. Kadar cukai	6
8. Prosedur pendaftaran	6
9. Perintah pengecualian cukai pendapatan berkaitan dengan persatuan perdagangan	6
10. Tarikh kuat kuasa	11

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Malaysia**

1. Ketetapan ini menerangkan:
  - (i) layanan cukai berhubung dengan persatuan perdagangan; dan
  - (ii) pemakaian Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan yang relevan berkaitan dengan persatuan perdagangan.
2. Peruntukan khusus yang diguna pakai kepada persatuan perdagangan adalah seksyen 53 Akta Cukai Pendapatan (ACP). Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan yang berkaitan dengan persatuan perdagangan adalah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2002 dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2005.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
  - 3.1 "Persatuan perdagangan" didefinisikan di bawah subseksyen 53(3) ACP sebagai mana-mana persatuan bagi orang, bagi perkongsian atau bagi orang dan perkongsian yang ditubuhkan dengan matlamat utamanya untuk melindungi atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya; dan, walau pun apa jua peruntukan lain dalam ACP, suatu persatuan perdagangan hendaklah disifatkan sebagai satu badan orang dan bukan suatu perkongsian.
  - 3.2 "Perniagaan" termasuk profesion, pencarian dan perdagangan dan setiap pengilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk penggajian.
  - 3.3 "Badan orang" bermakna satu badan bagi orang yang tidak diperbadankan (yang bukan suatu syarikat) termasuk suatu keluarga sekutu Hindu tetapi tidak termasuk suatu perkongsian.
  - 3.4 "Tempoh asas" untuk suatu tahun taksiran bagi suatu persatuan perdagangan adalah tahun asas bagi tahun taksiran tersebut dalam mana persatuan perdagangan itu bermastautin.
  - 3.5 "Tahun taksiran" bermakna satu tahun kalendar.
  - 3.6 "Pendapatan kasar", "pendapatan larasan", "kerugian larasan" dan "pendapatan berkanun" merujuk kepada pendapatan atau kerugian sebagai mana ditentukan di bawah Bab 3, 4 dan 5, Bahagian III ACP.
  - 3.7 "Bermastautin" bermakna bermastautin di Malaysia seperti mana ditentukan di bawah perenggan 8(1)(b) dan 8(1)(c) ACP.

#### **4. Persatuan perdagangan**

4.1 Berdasarkan definisi “persatuan perdagangan” di bawah subseksyen 53(3) ACP, sebuah organisasi dianggap sebagai suatu persatuan perdagangan sekiranya ia memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) kesemua ahlinya mesti menjalankan suatu perniagaan; dan
- (b) tujuan penubuhannya mestilah untuk memelihara atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya.

Antara beberapa contoh persatuan perdagangan adalah Dewan Perniagaan Cina, Rubber Growers Association, Institut Insurans Malaysia, Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia dan Persatuan Pemajakan dan Pembiayaan Aset Malaysia.

4.2 Walau bagaimanapun, di mana keahlian organisasi dibuka bukan sahaja kepada mereka yang menjalankan perniagaan tetapi juga kepada mereka yang mempunyai atau menjalankan penggajian, organisasi tersebut tidak dianggap sebagai suatu persatuan perdagangan. Satu contoh persatuan seperti itu adalah persatuan profesional di mana keahlian persatuan tidak dihadkan secara eksklusif kepada mereka yang mempunyai praktis tetapi juga dibuka kepada mereka yang mempunyai atau menjalankan penggajian.

4.3 Di mana suatu persatuan perdagangan bermastautin bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran, pendapatan kasar daripada suatu perniagaan persatuan perdagangan tersebut akan mengambil kira mana-mana amaun yang boleh diterima atas akaun hasil oleh persatuan perdagangan tersebut untuk tahun asas itu termasuk fi kemasukan dan yuran.

#### **5. Taraf mastautin persatuan perdagangan**

Taraf mastautin suatu persatuan perdagangan ditentukan berdasarkan ujian-ujian yang ditetapkan di bawah perenggan 8(1)(b) dan 8(1)(c) ACP. Ujian-ujian ini adalah serupa dengan ujian yang diguna pakai untuk menentukan taraf mastautin bagi suatu syarikat, iaitu, suatu persatuan perdagangan adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa dalam tahun asas tersebut pengurusan dan kawalan perniagaan atau halehwal persatuan tersebut dilaksanakan di Malaysia oleh pihak yang mempunyai kuasa untuk mengawalinya. Apabila taraf mastautin persatuan perdagangan tersebut telah ditentukan bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran, adalah diandaikan bahawa persatuan perdagangan tersebut adalah bermastautin di Malaysia bagi tujuan cukai pendapatan bagi tahun asas untuk setiap tahun taksiran yang berikutnya sehingga ianya terbukti sebaliknya.

6. **Layanan cukai ke atas pendapatan dan perbelanjaan bagi suatu persatuan perdagangan**
- 6.1 Pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan, sewa, dlln. (kelas-kelas pendapatan di bawah seksyen 4 ACP) oleh suatu persatuan perdagangan akan ditaksir sama caranya seperti mana orang lain ditaksir.
- 6.2 Sebagai tambahan kepada kelas pendapatan yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4 ACP, suatu persatuan perdagangan yang bermastautin di Malaysia adalah dianggap sebagai mempunyai suatu punca perniagaan berhubung dengan mana-mana amaun yang boleh diterima yang berjenis hasil termasuk fi kemasukan dan yuran. Tahun asas (yang adalah tahun kalendar) hendaklah diambil kira sebagai tempoh asas bagi pendapatan perniagaan yang diandaikan itu.
- 6.3 Semua caj dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penerimaan hasil yang berhubung dengan punca perniagaan yang diandaikan itu adalah dianggap sebagai telah dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada perniagaan tersebut. Caj dan perbelanjaan hasil ini akan dibenarkan di dalam mengira pendapatan atau kerugian larasan perniagaan, tertakluk kepada larangan tertentu di bawah seksyen 39 ACP.

**Contoh 1**

Akaun untung dan rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 bagi suatu persatuan perdagangan adalah seperti berikut:

	RM	RM
Yuran keahlian		44,000
Fi kemasukan		1,000
Faedah simpanan tetap		<u>800</u>
		45,800
Tolak: Perbelanjaan		
Gaji	20,000	
Sewa	10,000	
Elektrik dan air	1,300	
Belanja mesyuarat	500	
Derma (diluluskan)	200	
Kalkulator	<u>300</u>	<u>32,300</u>
Untung bersih		<u>13,500</u>

*Pendapatan larasan daripada punca perniagaan yang "diandaikan" untuk tahun taksiran (T/T) 2005 (tahun asas berakhir 31 Disember 2005) dikira*

seperti berikut:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Untung bersih dalam akaun</i>		13,500
<i>Tolak: pendapatan faedah (punca berasingan)</i>		<u>800</u>
		12,700
<i>Campur: Derma</i>	200	
<i>Kalkulator</i>	<u>300</u>	<u>500</u>
<i>Pendapatan larasan daripada perniagaan</i>		<u>13,200</u>
 <i>Pendapatan larasan/ berkanun daripada faedah (Berhubung dengan elaun modal, rujuk Contoh 3)</i>		 800

- 6.4 Persatuan perdagangan juga menerima derma atau yuran khas untuk tujuan tertentu seperti dana bangunan atau dana ulang tahun. Di dalam menentukan sama ada penerimaan tersebut perlu di ambil kira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan yang diandaikan itu dan perbelanjaan yang dilakukannya boleh dibenarkan, prinsip am mengenai hasil dan modal mesti diguna pakai ke atas derma dan yuran tersebut. Oleh yang demikian, derma khas kepada sebuah dana bangunan untuk mengubahsuai atau membina semula sebuah bangunan akan dianggap sebagai penerimaan modal dan perbelanjaan yang dilakukan ke atasnya adalah perbelanjaan modal. Sebaliknya, yuran khas kepada sebuah dana ulang tahun pada kebiasaannya adalah berjenis pendapatan dan perbelanjaan yang berhubung dengan perayaan ulang tahun tersebut akan dianggap sebagai perbelanjaan hasil.

**Contoh 2**

Berikut adalah akaun berhubung dengan operasi suatu persatuan perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005:

<b>i. Akaun untung dan rugi</b>			<b>RM</b>
Belanja pentadbiran	14,400	Fi kemasukan	27,000
Gaji	22,000	Yuran	48,000
Akaun ulang tahun	4,700	Derma (am)	10,000
Akaun bangunan	7,700		
Untung bersih	<u>36,200</u>		
	<u>85,000</u>		<u>85,000</u>
 <b>ii. Akaun bangunan</b>	 <b>RM</b>		 <b>RM</b>
Tambahan dan ubahsuai	54,400	Derma	46,700
		A/k untung & rugi	<u>7,700</u>
	<u>54,400</u>		<u>54,400</u>

iii	<b>Akaun ulang tahun</b>	<b>RM</b>		<b>RM</b>
	Belanja - makan malam, minuman, persembahan hiburan, dlln.	144,700	Sumbangan	140,000
			A/k untung & rugi	<u>4,700</u>
		<u>144,700</u>		<u>144,700</u>

*Pendapatan berkanun daripada perniagaan untuk tahun taksiran 2005 (tahun berakhir 31 Disember 2005) adalah dikira seperti berikut:*

	<b>RM</b>
<i>Perniagaan: untung bersih seperti dalam akaun</i>	36,200
<i>Campur: Akaun bangunan (modal)</i>	<u>7,700</u>
<i>Pendapatan larasan/berkanun</i>	<u>43,900</u>

*Nota: (i) Tiada pelarasan bagi Akaun Ulang Tahun kerana ia berjenis hasil.*

*(ii) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2005 tidak dipakai dalam Contoh 2. Pemakaian Perintah tersebut ditunjukkan dalam Contoh 5.*

## 7. Elaun modal

Memandangkan suatu persatuan perdagangan dianggap mempunyai suatu punca perniagaan, maka persatuan perdagangan tersebut layak menikmati elaun modal berhubung dengan aset yang layak yang digunakan dalam aktiviti perniagaan yang diandaikan itu.

### Contoh 3

Dengan menggunakan fakta dalam Contoh 1, pendapatan berkanun daripada perniagaan yang "diandaikan" itu bagi persatuan perdagangan tersebut adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<i>Untung bersih dalam akaun</i>			13,500
<i>Tolak: Pendapatan faedah</i>			<u>800</u>
			12,700
<i>Campur: Derma</i>		200	
<i>    Kalkulator</i>		<u>300</u>	<u>500</u>
<i>Pendapatan larasan</i>			13,200
<i>Tolak: Elaun modal atas</i>			
<i>    Kalkulator</i>			
<i>    20% x 300</i>	60		
<i>    10% x 300</i>	<u>30</u>	90	
<i>    Aset lain</i>			
<i>    Elaun tahunan (katakan)</i>		<u>410</u>	<u>500</u>
<i>Pendapatan berkanun daripada perniagaan</i>			<u>12,700</u>

*Nota: Mulai Tahun Taksiran 2006, suatu persatuan perdagangan boleh menuntut 100% elaun modal ke atas aset bernilai kecil yang tidak melebihi RM1,000 setiap satu dihadkan kepada jumlah nilai RM10,000 bagi suatu tahun taksiran.*

## **8. Kadar cukai**

Suatu persatuan perdagangan yang bermastautin di Malaysia akan dikenakan cukai pada kadar skala sama seperti yang diguna pakai kepada individu yang bermastautin sebagai mana yang ditetapkan di bawah Bahagian I, Jadual 1 ACP. Suatu persatuan perdagangan akan dikenakan cukai bersesuaian dengan peruntukan am ACP yang diguna pakai kepada orang yang tidak bermastautin dan kadar cukai adalah 28% sama seperti kadar yang diguna pakai kepada individu yang tidak bermastautin.

## **9. Prosedur pendaftaran**

9.1 Sungguhpun kebanyakan daripada persatuan perdagangan ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, terdapat juga beberapa persatuan perdagangan yang diperbadankan sebagai suatu syarikat yang dihadkan oleh jaminan di bawah Akta Syarikat 1965. Bagi tujuan cukai pendapatan, persatuan sebegini juga diberi layanan cukai di bawah seksyen 53 ACP jika persatuan-persatuan tersebut tergolong di bawah definisi "persatuan perdagangan".

9.2 Bagi tujuan pentadbiran, semua persatuan perdagangan hendaklah didaftarkan dengan nombor rujukan fail cukai pendapatan bermula dengan abjad "F". Borang nyata cukai pendapatan yang diguna pakai kepada suatu persatuan perdagangan adalah Borang TF.

9.3 Suatu persatuan perdagangan yang adalah syarikat yang dihadkan oleh jaminan, yang ditubuhkan dengan matlamat utamanya untuk melindungi atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya, juga dikehendaki untuk mendapatkan nombor "F" daripada Cawangan Penaksiran dan bukan nombor "C" yang biasanya diberikan kepada suatu syarikat. Syarikat sebegini mesti mengemukakan Borang TF dan bukan Borang C.

## **10. Perintah pengecualian cukai pendapatan berkaitan dengan persatuan perdagangan**

10.1 Perintah pengecualian yang diguna pakai secara langsung kepada suatu persatuan perdagangan yang dibuat dan terbatal adalah seperti berikut:

- Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.14) 1996 telah dibatalkan oleh Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2002.
- Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2002 yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2002 sehingga tahun taksiran 2004 telah



dibatalkan oleh Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2005.

10.2 Perintah pengecualian yang diguna pakai secara langsung kepada persatuan perdagangan yang dibuat dan masih berkuatkuasa adalah seperti berikut:

- Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2002; dan
- Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2005.

10.3 Di bawah adalah ringkasan perintah pengecualian yang masih berkuatkuasa:

**Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2002**

<b>Bermula</b>	Berkuatkuasa mulai T/T 1996.
<b>Terpakai kepada</b>	Persatuan perdagangan yang bermastautin di Malaysia yang ditubuhkan pada atau selepas 1/1/1996 sehingga 31/12/2001.
<b>Pengecualian</b>	50% daripada pendapatan berkanun daripada semua punca bagi satu tempoh maksimum selama 5 tahun taksiran daripada tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya persatuan perdagangan itu telah ditubuhkan.

**Contoh 4 - Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2002**

Dengan menggunakan fakta dalam Contoh 2, dan dengan mengandaikan bahawa persatuan perdagangan tersebut telah ditubuhkan pada 1 Mac 2001 serta akaun persatuan ditutup pada 31 Disember setiap tahun, pengiraan cukai kena dibayar untuk T/T 2005 berhubung dengan persatuan perdagangan yang telah memilih untuk mendapatkan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2002 adalah seperti berikut:

<b><i>Pendapatan berkanun</i></b>		<b><i>RM</i></b>
<i>Perniagaan</i>	<i>RM43,900 - RM21,950 (50% x RM43,900)</i>	<i>21,950</i>
<i>Faedah (katakan)</i>	<i>RM500 - RM250 (50% x RM500)</i>	<i>250</i>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u><i>22,200</i></u>
<i>Cukai atas RM20,000 pertama</i>		<i>475.00</i>
<i>Cukai atas baki RM2,200 x 7%</i>		<u><i>154.00</i></u>
<i>Cukai kena dibayar</i>		<u><i>629.00</i></u>

**Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 19) 2005**

<b>Bermula</b>	Berkuatkuasa mulai T/T 2005.
<b>Terpakai kepada</b>	Persatuan perdagangan yang bermastautin di Malaysia.
<b>Pengecualian</b>	<p>(1) Pendapatan berkanun yang diperolehi daripada yuran keahlian dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran;</p> <p>(2) Amaun pendapatan berkanun yang merujuk kepada subperenggan (1) akan terdiri daripada amaun pendapatan kasar daripada yuran keahlian persatuan perdagangan tersebut dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, ditolak dengan -</p> <p>(a) pertama, oleh apa-apa amaun perbelanjaan yang dilakukan di dalam menghasilkan pendapatan; dan</p> <p>(b) berikutnya, oleh apa-apa elaun yang akan dibuat bersesuaian dengan Jadual 3 ACP berhubung dengan pendapatan tersebut;</p> <p>(3) Amaun perbelanjaan dan elaun yang merujuk kepada subperenggan (2) di atas akan terdiri daripada suatu amaun perbelanjaan dan elaun yang umum kepada pendapatan yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) dan pendapatan lain yang tidak dikecualikan hendaklah ditentukan -</p> <p>(i) berhubung dengan perbelanjaan, mengikut formula berikut:</p> $A \quad \times \quad \frac{B}{C}$ <p>Di mana</p> <p>A adalah amaun perbelanjaan umum;</p> <p>B adalah amaun pendapatan kasar daripada yuran keahlian; dan</p> <p>C adalah amaun pendapatan kasar daripada punca-punca perniagaannya; dan</p>

	<p>(ii) berhubung dengan elaun, mengikut formula berikut:</p> $D \quad X \quad \frac{B}{C}$ <p>Di mana D adalah amaun elaun umum:</p> <p>B adalah amaun pendapatan kasar daripada yuran keahlian; dan</p> <p>C adalah amaun pendapatan kasar daripada punca-punca perniagaannya.</p> <p>(4) Amaun perbelanjaan umum dan elaun umum yang telah ditentukan di bawah subperenggan (3) bagi tujuan subperenggan (2) hendaklah diabaikan bagi tujuan pendapatan lain yang tidak dikecualikan di bawah Perintah ini.</p>
<b>Ketidakkpakaian</b>	<p>Pengecualian ini tidak terpakai bagi persatuan perdagangan untuk tahun taksiran dalam mana persatuan perdagangan itu telah menuntut suatu pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2002.</p>

**Contoh 5 - Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2005**

Akaun untung dan rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 bagi suatu persatuan perdagangan adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
<b>Pendapatan</b>	
Yuran keahlian	1,000,000
Fi seminar	500,000
Aktiviti persatuan perdagangan	300,000
Sumbangan	<u>200,000</u>
	2,000,000
<b>Perbelanjaan</b>	
Fi pengarah	100,000
Saraan pekerja	50,000
Fi perunding (dilakukan untuk aktiviti persatuan perdagangan)	100,000
Sewa dewan seminar	150,000
Makanan (bagi seminar)	50,000
Pengangkutan	25,000
Alatulis	<u>25,000</u>
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan	<u>1,500,000</u>

*Pengiraan cukai kena dibayar untuk T/T 2005 adalah seperti berikut:*

	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran keahlian		1,000,000	
Tolak: Perbelanjaan umum <sup>1</sup>		<u>100,000</u>	
Pendapatan larasan		900,000	
Tolak: Elaun modal umum <sup>2</sup>		<u>250,000</u>	
Pendapatan berkanun daripada yuran keahlian (dikecualikan daripada cukai)			650,000
Fi seminar		500,000	
Tolak: Perbelanjaan			
Sewa dewan seminar	150,000		
Makanan	50,000		
Perbelanjaan umum <sup>1</sup>	<u>50,000</u>	<u>250,000</u>	
Pendapatan larasan		250,000	
Tolak: Elaun modal umum <sup>2</sup>		<u>125,000</u>	
Pendapatan berkanun daripada fi seminar			125,000
Aktiviti persatuan perdagangan		300,000	
Tolak: Perbelanjaan			
Fi perunding	100,000		
Perbelanjaan umum <sup>1</sup>	<u>30,000</u>	<u>130,000</u>	
Pendapatan larasan		170,000	
Tolak: Elaun modal umum <sup>2</sup>		<u>75,000</u>	
Pendapatan berkanun daripada aktiviti persatuan perdagangan			95,000
Sumbangan		200,000	
Tolak: Perbelanjaan umum <sup>1</sup>		<u>20,000</u>	
Pendapatan larasan		180,000	
Elaun modal umum <sup>2</sup>		<u>50,000</u>	
Pendapatan berkanun daripada sumbangan			<u>130,000</u>
Pendapatan berkanun daripada perniagaan			1,000,000
Tolak: Amaun yang dikecualikan daripada cukai berhubung dengan yuran keahlian			<u>650,000</u>
Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai			<u>350,000</u>
Cukai atas RM250,000 yang pertama			54,975.00
Cukai atas baki RM100,000 @ 28%			<u>28,000.00</u>
Cukai kena dibayar			<u>82,975.00</u>

<b><sup>1</sup> Perbelanjaan Umum</b>	<b>RM</b>
<i>Fi pengarah</i>	100,000
<i>Saraan pekerja</i>	50,000
<i>Pengangkutan</i>	25,000
<i>Alatulis</i>	<u>25,000</u>
	<u>200,000</u>

	<b>RM</b>		<b>RM</b>
<i>Yang bersangkutan dengan yuran keahlian:</i>	200,000	$\times \frac{1,000,000}{2,000,000} =$	100,000
<i>Yang bersangkutan dengan fi seminar:</i>	200,000	$\times \frac{500,000}{2,000,000} =$	50,000
<i>Yang bersangkutan dengan aktiviti persatuan perdagangan:</i>	200,000	$\times \frac{300,000}{2,000,000} =$	30,000
<i>Yang bersangkutan dengan sumbangan:</i>	200,000	$\times \frac{200,000}{2,000,000} =$	20,000

<b><sup>2</sup> Elaun modal umum (katakan)</b>	<b>500,000</b>
<i>Yang bersangkutan dengan yuran keahlian:</i>	500,000 $\times \frac{1,000,000}{2,000,000} =$ 250,000
<i>Yang bersangkutan dengan fi seminar:</i>	500,000 $\times \frac{500,000}{2,000,000} =$ 125,000
<i>Yang bersangkutan dengan aktiviti persatuan perdagangan:</i>	500,000 $\times \frac{300,000}{2,000,000} =$ 75,000
<i>Yang bersangkutan dengan sumbangan:</i>	500,000 $\times \frac{200,000}{2,000,000} =$ 50,000

11. Ketetapan ini berkuatkuasa untuk tahun taksiran 2005 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah  
Hasil Dalam Negeri**